

# SISTEM PEMBANGUNAN APLIKASI MUDAH ALIH CELIK PUSAKA

Mohamad Hasif Bin Mohd Zamri

Bahari Idrus

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

## ABSTRAK

Zakat ialah derma yang wajib diberikan orang Islam yang mampu kepada 8 golongan (asnaf) yang berhak menerimanya. Zakat terbahagi kepada dua bahagian iaitu Zakat Fitrah dan Zakat Harta. Zakat Harta pula terbahagi kepada beberapa bahagian. Projek ini lebih ditumpukan kepada Zakat Harta iaitu Zakat Simpanan. Amalan berzakat adalah salah satu perkara penting bagi orang islam kerana amalan berzakat boleh membiasakan diri pengeluarannya supaya bersifat pemurah dan suka mengerjakan ibadah qurban. Amalan itu juga boleh membuang sifat kedekut dan unsur-unsur bakhil. Hakikat ini dapat dirasai oleh pengeluar zakat dan dia juga menyedari bahawa zakat itu lebih ketara kepada penambahan harta daripada mengurangnya. Namun begitu, pelajar-pelajar kini kurang diberikan pendedahan tentang zakat. Bukan itu sahaja, segelintir masyarakat juga tidak tahu, Bagaimana pengiraan zakat simpanan dikira? Berapa kali harus dibayar? Apa itu haul? Apa itu nisab? Berapa haul dikenakan dalam tahun ini? Layak atau tidak membayar zakat? Ini adalah beberapa persoalan atau info yang tidak dapat dijawab dengan mudah dan pantas. Oleh itu projek ini adalah bertujuan untuk menyelesaikan semua persoalan yang dapat dijawab dan diakses hanya menggunakan telefon pintar iaitu aplikasi Zakat Simpanan. Aplikasi Zakat Simpanan ini akan menunjukkan info-info terkini berkaitan zakat simpanan, termasuklah kalendar hijrah, kadar nisab semasa, harga emas semasa dan juga kiraan secara automatik berapa pengguna perlu membayar zakat. Tambahan pula aplikasi ini juga menyediakan informasi pelajaran seperti maksud zakat, syarat zakat dan sebagainya. Metodologi “agile” yang melibatkan lima fasa akan digunakan untuk semasa pelaksanaan projek ini kerana ianya mudah difahami dan digunakan. Pembangunan projek ini melibatkan penggunaan perisian Android Studio kerana ianya mudah digunakan.

## 1 PENGENALAN

Zakat merupakan ibadah wajib bagi umat Muslim. Kewajiban ini, tertulis di dalam Al Quran. Zakat juga termasuk dalam rukun Islam dan menjadi salah satu unsur pokok bagi tegaknya syariat Islam. Menunaikan zakat adalah kegiatan yang wajib dilakukan bagi setiap muslim yang telah memenuhi syarat-syarat tertentu.

Kata zakat berasal dari bahasa Arab **زكّ** atau **zakah** yang berarti bersih, suci, subur, berkat, dan berkembang. Menurut istilah, zakat adalah sejumlah harta yang wajib dikeluarkan oleh umat Muslim dan diberikan kepada golongan yang berhak menerimanya sesuai dengan syarat yang telah ditetapkan.

## 2 PENYATAAN MASALAH

Masalah dalam menguruskan zakat ini terlalu ketara tapi tidak dipandang atau disedari oleh umat islam. Terdapat beberapa isu di sini yang menjadi satu masalah apabila umat islam tidak dapat mengakses atau mengetahui adakah mereka layak dalam membayar zakat. Mereka selalunya akan bergerak jauh ke pejabat zakat hanya untuk menyemak adakah mereka layak untuk membayar. Boleh terjadi beberapa kes dimana mereka tidak sedar bahawa mereka layak berdasarkan simpanan yang mereka ada. Jika tidak berurusan maka menjadi satu masalah yang besar dalam kendalikan zakat. Masalah lain adalah disebabkan tidak tahu berapa amaun haul semasa. Ramai yang akan leka dan secara tidak sedar terlepas dalam membayar zakat. Dalam zakat, hal ini tidak patut terjadi malah setiap umat islam harus peka dalam menguruskan salah satu rukun islam ini. Masalah ini disebabkan tiada capaian yang cepat dan tepat ketika berada dimana-mana. Terdapat satu lagi masalah yang sangat rumit adalah berkaitan dengan simpanan di pelbagai tempat. Kes yang mungkin berlaku adalah mereka mempunyai simpanan di tiga bank berlainan. Jumlah simpanan mereka didalam tiga-tiga bank ini adalah melebihi dari nilai haul yang ditetapkan. Menjadi permasalahan disini adalah apabila ada sesetengah syarikat perbankan yang sudah menetapkan system zakat mereka sendiri sebagai contoh adalah Tabung Haji. Sekiranya jumlah simpanan didalam Tabung Haji tidak melebihi haul tetapi apabila dijumlahkan dengan dua bank yang lain, jumlah simpanan yang ada adalah melebihi nilai haul. Pengguna secara tidak sedar bahawa beliau layak dan terlepas dalam membayar zakat kerana bergantung kepada simpanan didalam tabung haji sahaja. Kes ini harus dititik beratkan agar masalah tidak peka akan status kelayakan ini dapat dibendung dengan sebuah aplikasi mudah

alih sahaja. Masalah yang terakhir adalah cara pengiraan zakat simpanan yang tepat dan dipercayai agar pengguna tahu berapa amaun yang harus dibayar.

### 3 OBJEKTIF KAJIAN

Projek ini bertujuan untuk mereka bentuk dan membangunkan aplikasi Ez-Zakat sebagai platform pengiraan Zakat yang mudah, cepat dan dipercayai. Aplikasi ini dapat membantu pengguna dalam mengetahui bilangan haul dan amaun nisab semasa.

Di samping itu, penyelidik telah menyediakan platform info dan maklumat berkaitan zakat untuk pengguna aplikasi ini. Konsep ini dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pengguna berkaitan zakat dan juga membuat aplikasi Ez-Zakat ini menjadi aplikasi yang berkualiti.

### 4 METHOD KAJIAN

Penggunaan *Agile Methodology* atau Metodologi Tangkas yang sesuai digunakan untuk memastikan perjalanan projek berjalan dengan lancar dan menjamin hasil kerja yang berkualiti. Di dalam model *Agile*, kesemua keperluan sistem akan dibahagikan mengikut fasa. *Agile* sangat sesuai digunakan dalam projek ini kerana ianya bersifat adaptasi cepat dan pengembang terhadap perubahan dalam segala bentuk kerja. Dalam *Agile Methodology*, interaksi dan peribadi lebih penting daripada proses dan alat, perisian yang berfungsi lebih penting daripada dokumentasi yang lengkap. Dalam model *Agile* juga, interaksi bersama pelanggan sangat kerap dan sentiasa bersedia menerima perubahan spesifikasi daripada mengikuti apa yang sudah dirancang.

#### 4.1 Fasa Perancangan

Fasa ini merupakan tunjang utama bagi model tangkas kerana memainkan tanggungjawab yang sangat penting dalam mengetahui dan menentukan segala keperluan yang diperlukan. Fasa ini juga berkebolehan dalam mengenal peluang perniagaan dan dapat merancang masa

dan usaha yang diperlukan untuk membina sesebuah projek. Segala keperluan dan maklumat berkaitan objek pembelajaran bagi digital pengaturcaraan akan diberikan focus yang cukup tinggi supaya dapat digunakan pada fasa seterusnya iaitu reka bentuk.

#### **4.2 Fasa Analisis Keperluan**

Semasa fasa analisis keperluan ini dilakukan, segala keperluan bagi membangunkan aplikasi ini dikaji melalui lawatan kajian dan penyelidikan sistem sedia ada. Selain itu, temu bual orang awam sebagai pengguna juga dijalankan bagi mendapatkan pandangan bagi keperluan aplikasi Ez-Zakat agar bersesuaian dengan mereka. Analisis tentang perkakasan dan perisian juga dijalankan bagi melancarkan proses pembangunan aplikasi.

#### **4.3 Fasa Reka Bentuk**

Fasa ini pula menumpukan dalam reka bentuk berdasarkan maklumat dan keperluan objek pembelajaran digital pengaturcaraan yang sudah ditentukan. Fasa ini di mana reka bentuk yang baik dan menggunakan kemahiran yang betul akan dihasilkan berdasarkan keperluan yang dikehendaki dan didapati. Setelah selesai fasa ini, ia akan menuju ke fasa pembangunan di mana reka bentuk yang sudah terhasil ini memainkan peranan yang penting dalam membangunkan sistem.

#### **4.4 Fasa Pembangunan**

Dalam fasa ini, pembangun mula membina lelaran berkaitan objek pembelajaran berkaitan subjek pengaturcaraan dalam modul latihan dengan tujuan untuk memiliki hasil yang berfungsi dan dapat digunakan pada akhir pecut. Fungsi ini dapat berkembang untuk kegunaan lelaran yang akan datang. Fasa ini juga berperanan dalam memastikan segala ciri-ciri dan fungsi terutamanya objek pembelajaran dapat berfungsi dalam keadaan yang baik.

Selain itu, perkakasan dan perisian yang digunakan untuk membangun projek harus dipilih dengan teliti. Pemilihan perkakasan dan perisian yang tidak tepat boleh menjejaskan keseluruhan hasil projek. Senarai spesifikasi keperluan perkakasan yang dicadangkan untuk menghasilkan aplikasi Ez-Zakat adalah seperti berikut:

- i. Sistem Pengoperasian: Microsoft Windows 10 atau ke atas
- ii. Pemrosesan: Intel(R) Core (TM) i5CPU
- iii. Ruang Cakera Keras (Hardisk): 4GB atau ke atas
- iv. Ingatan Cakera Rawak (RAM): 2GB atau ke atas
- v. Kad Grafik: NVIDIA GEFORCE

#### **4.5 Fasa Pengujian**

Fasa ini memainkan peranan dalam mengumpul segala maklum balas daripada pengguna aplikasi Ez-Zakat. Maklum balas ini akan menjadi panduan untuk menaiktaraf dan membaikpulih kekurangan yang ada di dalam sistem. Fasa ini juga bertindak dalam fungsi penyelenggaraan supaya sistem ini dapat berfungsi dengan baik tanpa sebarang masalah.

#### **4.6 Fasa Implementasi**

Fasa implementasi ini dikenal pasti sama ada aplikasi Ez-Zakat ini memenuhi keperluan projek yang telah ditetapkan ketika fasa analisis. Masalah yang dikenal pasti akan dibaiki semula sehingga mencapai segala objektif serta skop kajian yang telah ditetapkan.

#### **4.7 Fasa Mengkaji Semula / Fasa Maklum Balas**

Fasa ini bertujuan untuk mengumpul maklum balas dari pengguna mengenai aplikasi Ez-Zakat. Dengan mendapatkan maklum balas daripada pengguna, pembangun dapat membaiki atau menambahbaik sistemnya dari masa ke masa.

## **5 HASIL KAJIAN**

Aplikasi Ez-Zakat ini telah berjaya dibangunkan berdasarkan keperluan dan objektif yang telah dinyatakan. Terdapat beberapa kekuatan dan kelemahan yang dikenalpasti terdapat di dalam aplikasi Ez-Zakat ini untuk dijadikan panduan kepada kajian-kajian akan datang. Penyelidik berharap bahawa kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada pembangun-pembangun aplikasi mudah alih untuk membangunkan aplikasi yang tidak sahaja menyumbang kepada bidang

teknologi maklumat, malah juga kepada bidang Zakat supaya setiap sisi masyarakat boleh mendapat manfaat daripada teknologi yang dibangunkan.

## 6 KESIMPULAN

Aplikasi Ez-Zakat ini telah berjaya dibangunkan berdasarkan keperluan dan objektif yang telah dinyatakan. Terdapat beberapa kekuatan dan kelemahan yang dikenalpasti terdapat di dalam aplikasi Ez-Zakat ini untuk dijadikan panduan kepada kajian-kajian akan datang. Penyelidik berharap bahawa kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada pembangun-pembangun aplikasi mudah alih untuk membangunkan aplikasi yang tidak sahaja menyumbang kepada bidang teknologi maklumat, malah juga kepada bidang Zakat supaya setiap sisi masyarakat boleh mendapat manfaat daripada teknologi yang dibangunkan.

Oleh itu, aplikasi Ez-Zakat yang berjaya dibangunkan ini telah mencapai objektif dengan memberi kesedaran dan mendidik orang awam tentang kepentingan zakat dan pengurusanannya. Selain itu, memudahkan orang awam untuk mengakses proses yang melibatkan zakat dengan mudah dan cepat. Walau bagaimanapun, aplikasi ini tidak terhad kepada golongan Islam sahaja malah orang bukan Islam juga boleh menggunakannya sebagai medium penyebaran ilmu untuk mempelajari tentang zakat.

## 7 RUJUKAN

Tartila Aryani, Apa itu Zakat? Pengertian, Hukum, Keutamaan, Serta Jenisnya (2020)  
<https://blog.kitabisa.com/zakat-pengertian-hukum-keutamaan-serta-jenisnya/>

Dr.Husein Sahata, Kaedah Agihan Zakat Harta: Pengertian, Sistem & Agihannya,  
 Pustaka Al Shafa (2003)  
<https://ms.wikipedia.org/wiki/Zakat>

Lembaga Zakat Selangor. Dicapai dari:  
<https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/pengertian-zakat/>  
 pada 27 Oktober 2020.

Hina, Waterfall Metodologi (2016)  
<https://softwarekno.blogspot.com/2016/09/waterfall-model.html>

Madiha Abdullah, 10 hujah negatif mengenai zakat (2016)

<https://www.astroawani.com/gaya-hidup/10-hujah-jawab-viral-negatif-mengenai-zakat-109260>

Ridhwan Abdul Rahman, Isu zakat dan asnaf (2020)

<https://www.sinarharian.com.my/article/84479/KHAS/Pendapat/Isu-zakat-dan-asnaf>

Mohd Aizat Shamsuddin, Lengah tunai zakat tanda hati rosak (2019)

<https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/01/517287/lengah-tunai-zakat-tanda-hati-rosak>

Copyright@FTSM  
UKM